

## KOMUNIKASI DAKWAH EFEKTIF BADIUZZAMAN SAID NURSI: KAJIAN TERHADAP LATAR BELAKANG TURKI PENGHUJUNG ABAD KE-19 MASIHI

Muaz Hj Mohd Noor<sup>1</sup>, S. Salahudin Hj Suyurno<sup>2</sup> &  
Faridah Mohd Sairi<sup>3</sup>

### E-JITU

Acceptence date:  
15 January 2021

Valuation date:  
15 February 2021

Publication date:  
30 April 2021

### ABSTRACT

Eminent Scholar of Islam, Imam Bediuzzaman Said Nursi was born in 1877 AD (1298 AH) in Bitlis, eastern Turkey. As well as his strong memory and intelligence, he was known with his purity, taqwa (avoidance of sins), and courage. This article is a review on the methodology of da'wah of Said Nursi in The Words, one of the Rasail al-Nur Collection. Since the problem very diverse and complex nature of the various ethnic groups, especially the variety, the preachers of today need to be able to play multiple roles in a homogenous society. This study attempts to study the history and background of Turkey during the time of Said Nursi (at the end of 19th century). What is the factor that causes him to be so committed in the field of da'wah, until he has mastered in the methods and skill of good communication during da'wah, whether verbal and non-verbal communication. He never hesitated to declare the right way (amr bil ma'ruf) and condemn the wrong way (nahy anil munkar) against unjust leaders and governors of the time, but in a wise way. The methodology of this study uses qualitative methods to achieve the objectives of the study using data collection through library research and SLR (Systematic Literature Review). The results of the study found that the mastery of solid communication knowledge and extensive experience of preaching to the community field caused a successful dakwah effort.

Kata Kunci: Bediuzzaman Said Nursi, methodology of dakwah, communication, Turki

### PENDAHULUAN

Mutakhir ini menyaksikan kajian akademik tentang Badiuzzaman Said Nursi semakin mendapat tempat di Malaysia, khususnya dalam ruang lingkup dakwah

<sup>1</sup> Calon PhD, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam, Selangor. Muazuitm86@gmail.com

<sup>2</sup> Ketua Pusat Pengajian, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah, ssalahud@melaka.utm.edu.my

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil, assaha78@gmail.com

dan komunikasi. Terdapat ramai ahli akademik dan badan bukan kerajaan (NGO) menyambung delegasi dakwah beliau dengan mempromosi semula kandungan Risalah al-Nur melalui seminar, simposium, dan pengajian halaqah di Malaysia.

Justeru, pengkaji melihat keperluan mengkaji sejarah dan latar belakang Turki pada zaman Said Nursi (pada akhir abad ke-19). Apakah faktor yang menyebabkan dia begitu komited dalam bidang dakwah, sehingga beliau dilihat bersungguh-sungguh terjun ke medan lapangan dakwah yang terbuka, sehingga akhirnya mampu menguasai kaedah dan kemahiran komunikasi yang baik semasa dakwah, baik komunikasi lisan dan bukan lisan. Beliau tidak pernah ragu-ragu untuk mengajak kepada hal yang betul (amr bil ma'ruf) dan mencegah yang salah (nahy anil munkar) baik terhadap orang ramai, mahupun terhadap pemimpin dan penguasa yang zalim ketika itu, namun dengan cara yang cukup bijaksana.

## KAJIAN LITERATUR

Antara kajian yang membincangkan berkenaan Said Nursi dan dakwah ialah sebuah kajian tulisan Ichwansyah Tampubolon (2018) yang bertajuk *Pemikiran Dan Aktivisme Dakwah Badiuzzaman Said Nursi (1877-1960)*. Kajian ini telah membincangkan riwayat hidup Badiuzzaman Said Nursi, dari fasa pertama hingga fasa ketiga kehidupannya, seterusnya mengupas secara ringkas metode dan strategi dakwah Badiuzzaman Said Nursi khususnya di Turki.

Begitu juga kajian terkini dari Edi Amin (2018) yang bertajuk *Pemikiran Dakwah Badiuzzaman Said Nursi*, yang telah mengkaji berkenaan konsep dakwah Said Nursi bagi berhadapan dengan fahaman-fahaman songsang seperti sektarianisme, fanatisme, meterialisme dan lain-lain. Kajian ini telah menyenaraikan beberapa bentuk pemikiran dakwah Said Nursi iaitu kepentingan membina gerakan dakwah (Nur Movement), penekanan terhadap konsep murasalah (surat-menjurut) sebagai bentuk penyampaian dakwah, menggagaskan uslub ustadiyyah al-Qur'an sebagai dasar perubahan (al-Quran sebagai guru atau ustaz utama) dan lain-lain.

Dalam sebuah lagi kajian Edi Amin (2015) yang bertajuk *Konsep Komunitas dalam Pemikiran dan Dakwah Said Nursi*, beliau telah mengkaji bentuk pemikiran dan kepentingan aktiviti gerakan dakwah Said Nursi khususnya dalam sesebuah komuniti masyarakat. Beliau telah menyenaraikan secara umum bentuk pemikiran dakwah Said Nursi yang menggabungkan ciri-ciri dakwah traditional dan moden serta kajian yang menjurus kepada gerakan dakwah Nur Movement (Penuntut Tullab an-Nur) khususnya di Indonesia.

Sementara itu kajian dari Wan Rashidah Hanim (2015) dengan tajuk kajianya *Sketsa Pemikiran Badiuzzaman Said Nursi Dalam Metode Da'wah Bi Al-Kitabah: Analisis Kitab Risalah Al-Nur*, telah menyentuh berkenaan metode

dakwah bi al-kitabah (penulisan) yang diaplikasi oleh Badiuzzaman Said Nursi menerusi kitab Rasail an-Nur sewaktu hayatnya. Dakwah Said Nursi khususnya di bumi Turki ketika itu dikatakan memberi impak yang besar dalam komunikasi dakwah kontemporari apabila diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa asing dan kesinambungan dakwah oleh para pelajar beliau tersebar hampir ke seluruh dunia termasuk Malaysia.

Begitu juga dengan kajian PhD Faridah Mohd Sairi (2015) yang bertajuk *Metode Dakwah Bediuzzaman Said Nursi dan Pengaruhnya di Turki*, yang turut mengkaji metode penulisan kitab Rasail an-Nur, seterusnya mengkaji perjalanan dakwah Said Nursi sepanjang hayatnya di Turki di penghujung abad ke-19 Masihi, setelah robohnya pemerintahan Khilafah Uthmaniyyah pada tahun 1924.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metode kualitatif dalam proses pengumpulan data. Data akan dianalisis bagi memahami teori dan praktis komunikasi dakwah Badiuzzaman Said Nursi di Turki dalam abad ke-19 Masihi. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan sumber data primer dan data sekunder dalam proses mengumpulkan data. Data primer diperoleh melalui metode dokumentasi, sementara data sumber sekunder pula diperolehi melalui metode analisis kandungan daripada laporan penyelidikan komunikasi dakwah, resolusi dari seminar atau wacana dakwah dan komunikasi dakwah Badiuzzaman Said Nursi, dokumen-dokumen dari badan dan organisasi dakwah dan lain-lain.

Beberapa kajian didapati mempunyai persamaan dari sudut sifat dan tumpuan kajian mengenai abstrak. Artikel ulasan akan dibuat berdasarkan penilaian terperinci dalam kata kunci mengenai komunikasi dan dakwah, praktiknya di Turki abad ke-19 Masihi, serta hubungannya dengan perjalanan dakwah di Malaysia.

Data-data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan kerangka analisis kandungan. Dapatan dan analisa yang terkandung dalam penulisan ini boleh dijadikan sebagai salah satu sumbangan akademik dan rujukan dalam membangunkan model atau metode komunikasi dakwah yang berkesan khususnya di Malaysia.

## LATAR BELAKANG TURKI ERA BADIUZZAMAN SAID NURSI

Oleh kerana pandangan seorang ahli politik British yang anti Turki-Islam, “*Kita tidak boleh menguasai orang Islam selagi mana kita tidak memisahkan kitab mereka iaitu al-Quran daripada mereka*”, maka Said Nursi bersumpah beliau akan membuktikan bahawa al-Quran merupakan matahari kerohanian yang tidak boleh dimusnahkan sama sekali. Beliau berusaha sedaya upaya untuk mengangkat al-Quran pada tahap yang paling tinggi di tengah-tengah suasana masyarakat Turki-

Islam yang semakin hilang identiti agama, ditambah pula dengan kepelbagaian doktrin dan dogma songsang masyarakat muslim tentang faham keimanan.

Semua ini bermula dari siri gerakan pembaharuan yang dikenali sebagai Tanzimat oleh pemerintah, yang bermula sekitar tahun 1839 sehingga ke pertengahan abad ke-20, yang kononnya suatu strategi untuk memodenisasikan negara dan masyarakat Turki ke arah sebuah negara moden, membangun dan berkembang pesat sebagaimana negara-negara Eropah yang lain. Ia seakan memaksa rakyat Turki khususnya umat Islam untuk ‘menerima tanpa syarat’ dasar-dasar baru yang mesra kepada Barat, yang telah dihiasi dengan dogma-dogma songsang fahaman sekularisme, nasionalisme dan lain-lain ideologi. Seluruh model peradaban Barat menjadi acuan dan model utama dalam usaha mencipta kemajuan masyarakat Turki, baik secara spiritual (dalaman) maupun material (luaran), serta sekaligus sebagai satu bentuk ideologi dan identiti baru rakyat Turki, atas nama modenisasi.

Pada saat ini, kerajaan Islam Turki Uthmaniyyah dilihat mula mengalami kegoyahan dan bermulalah zaman kemunduran sekitar tahun 1828 sehingga 1908 Masihi, gara-gara meledaknya fahaman kebangsaan atau semangat nasionalisme, serta ancaman dari pihak Barat. Usaha Tanzimat yang berlaku kononnya untuk memodenkan kerajaan tersebut akhirnya menimbulkan impak yang negatif khususnya terhadap survival dakwah Islam, disebabkan pembaharuan yang dilaksanakan condong ke arah pemupukan sekularisme, manakala Islam mula diketepikan sedikit demi sedikit.

Hal ini sekaligus menyaksikan pemerintahan Sultan Abdul Hamid II (1876-1908M) adalah salasilah terakhir kepimpinan khalifah Uthmaniyyah, sehinggalah pada tanggal 1924 Masihi, sebelum kerajaan Islam Turki Uthmaniyyah itu akhirnya runtuh secara total dan rasmi, seterusnya tertegaknya kerajaan Republik Turki. Rentetan sejarah hitam ini, maka satu persatu polisi dan dasar-dasar kerajaan mula berubah seiring dengan kebangkitan semangat nasiolisme. Keadaan semakin bertambah keruh apabila meledaknya fahaman sekularisme, sebuah fahaman yang cuba memisahkan agama Islam dari urusan kehidupan, terutama sistem politik pemerintahan.

## **PERJUANGAN DAKWAH MELALUI KOMUNIKASI BERKESAN**

Bermula saat inilah, sistem sosiopolitik masyarakat Turki (khususnya) yang asalnya mesra kepada Islam berubah kepada anti dan skeptikal terhadap Islam. Ruang-ruang dakwah dan tarbiah tertutup rapi. Sistem pendidikan Islam dirantai mati. Agenda untuk menyampaikan Islam semakin sulit dan kembali mencabar, seolah mengulang kembali sirah jerih perih perjuangan Rasulullah SAW dan

sahabat pada zaman baginda, untuk menghidupkan cahaya Islam di tengah-tengah ‘kegelapan’ masyarakat.

Hal ini pastinya memberi ujian dan cabaran yang besar khususnya terhadap para dai’ atau pendakwah, untuk mengembalikan keidzzahan dan keagungan Islam terhadap masyarakat ketika itu. Apa tidaknya, apabila hukum-hukum Islam (fiqh) mula diganti dengan hukum Barat, masjid-masjid dan madrasah-madrasah ditutup. Azan tidak lagi dibenarkan dikumandangkan di dalam bahasa Arab, malah mestilah dalam bahasa Turki.

Pendidikan agama tidak lagi diajarkan di sekolah-sekolah kerajaan. Pakaian menutup aurat seperti tudung dilarang, dalam masa yang sama pakaian model Eropah dibudayakan. Penggunaan aksara dan naskah Arab dihentikan dan diganti dengan aksara Latin dan naskah-naskah Romawi. Bahkan Ketua Jabatan Percetakan Kerajaan boleh mengarah sidang pengarang akhbar memotong sebarang makalah atau artikel yang menyentuh isu-isu agama, atas alasan merbahaya dan boleh menyemai jiwa keagamaan di dalam pemikiran para belia.

Rentetan tragedi ini, tugas menyampaikan dakwah telah dianggap satu jenayah, sehingga ulamak-ulamak dan pendakwah yang vokal dan lantang mengkritik dasar-dasar baru kerajaan ini akan dikenakan pelbagai hukuman dan sekatan. Selain dikenakan tindakan dan hukuman dari pemerintah, para pendakwah akan berdepan pula dengan sikap segolongan masyarakat Turki yang kuat pegangan sekularnya.

Pendekatan dakwah yang terlalu terbuka, ‘direct’ atau kaedah satu hala (one way), memilih teknik berkomunikasi, pastinya akan ditolak mentah-mentah oleh golongan sekular ini, termasuk dihina, dipersenda mahupun dipulaukan oleh mereka. Ternyata perubahan struktur pemerintahan kerajaan Turki dari corak Islam kepada sekular, menjadi penyumbang utama wujudnya golongan yang sentiasa skeptikal terhadap pendakwah dan siri-siri dakwah selepas saat itu.

## KOMUNIKASI DAKWAH EFEKTIF BADIUZZAMAN SAID NURSI

Ujian dan cabaran hebat di bumi Turki ketika ini khususnya, telah membuatkan Said Nursi begitu komited untuk menyebar dan menyampaikan dakwah, dengan memberi penekanan kepada teknik berinteraksi dan berkomunikasi secara bijaksana ketika berdakwah mengikut acuan dan kehendak al-Quran dan al-Hadith. Berbekalkan pengalaman yang panjang dan berharga Said Nursi sepanjang hidupnya, bermula dari Said Awwal, Said Thani dan Said Thalis, beliau berusaha mencari solusi yang terbaik ketika menyampaikan dakwah.

Ketika inilah kemunculan dan kehadiran beliau mula dirasai apabila bukan sahaja dilihat sangat komited dan konsisten dalam kerja-kerja dakwah dari hari ke hari, sehingga beliau ‘tidak sempat’ untuk berkahwin, bahkan berusaha mencuba pelbagai teknik dan metode berinteraksi (komunikasi) dengan para sasaran mad’unya, agar ianya diterima dengan baik atau sekurang-kurangnya tidak mengeruhkan perhubungan sesama masyarakat.

Antara contoh kaedah komunikasi dakwah efektif Said Nursi ialah bilamana beliau menerima jemputan dari ahli politik untuk hadir ke satu persidangan di parlimen negara. Walaupun menyedari ‘politikus’ bukanlah golongan yang boleh dipercayai (untuk membela Islam ketika itu), namun Said Nursi menganggap kehadirannya ke Parlimen adalah salah satu peluang untuk berdakwah. Namun di sana, suatu yang mengejutkan baliau ialah apabila mendapati ramai anggota parlimen muslim tidak menunaikan solat, atas alasan solat adalah urusan peribadi yang tidak berkaitan dengan soal pemerintahan.

Berdasarkan masalah ini, Said Nursi telah memikirkan kaedah atau cara yang paling terbaik dan berhikmah untuk ‘menegur’ anggota parlimen ini, yang rata-rata terdiri dari orang bangsawan dan berpengaruh. Beliau akhirnya telah menerbitkan satu kenyataan yang mengandungi 10 perkara yang penting yang ditujukan khas kepada seluruh ahli parlimen. Antara isi kandungannya ialah:

“Wahai ahli parlimen! Kebangkitan ini mungkin berterusan untuk tempoh waktu yang lama. Kemurahan ini mungkin berpanjangann sekiranya kita bersyukur kepada Allah. Andainya tidak, maka akan hilanglah kemurahan daripada-Nya. Dengan mendapat panduan daripada Allah, kalian berkewajipan untuk menyelamatkan al-Quran daripada pihak musuh. Disamping itu kalian mestilah menunaikan rukun-rukun Islam. Orang-orang Islam menginginkan pemimpin yang warak dan bertakwa (menunaikan solat) walaupun mereka sendiri tidak menunaikan solat...”

Kesan daripada komunikasi bil-lisan (verbal) secara hikmah yang diperlakukan Said Nursi ini, maka bilangan anggota parlimen yang menunaikan solat telah bertambah kepada enam puluh orang, bahkan bilik solat juga telah diperbesarkan.

Di samping itu, antara contoh komunikasi dakwah secara non-verbal Said Nursi pula dapat dilihat pada reaksi spontan beliau tatkala keluar perintah tidak membenarkan beliau memberikan kuliah agama di masjid kerana dituduh menghasut orang ramai membenci pemerintah. Said Nursi patuh terhadap perintah itu dengan tenang. Rentetan itu, kuliah agama diteruskan di rumahnya. Anak murid Said Nursi dan orang ramai membanjiri sekitar rumahnya sehingga pemerintah mengeluarkan arahan menangkap Said Nursi lalu dihantar ke Bitlis. Orang ramai

cuba membantah dan hampir terjadi rusuhan, namun Said Nursi cuba menenangkan mereka. Hal ini menyebabkan kerajaan ketika itu seringkali gagal untuk mendakwa dan menghukum Said Nursi kerana tindakan beliau tidak menyalahi sebarang akta dan perundangan, sebaliknya menyebabkan masyarakat terus bersimpati dan menyokong gerakan dakwah Said Nursi.

Itulah kehebatan Said Nursi dalam memilih tema komunikasi yang sesuai mengikut latar belakang mad'unya ketika berdakwah. Ada masanya perlu bernada keras dan tegas, banyak masanya pula dengan nada sederhana dan lembut. Ada masanya perlu berdakwah secara lisan (verbal), ada masanya perlu secara non-verbal seperti reaksi tanpa ucapan lisan, surat-menyurat, memorandum dan sebagainya. Jelaslah usaha dan kemahiran komunikasi dakwah beliau ini sangat berkesan, dan telah memberi impak dan pengaruh yang amat besar dalam perkembangan Islam baik di bumi Turki khususnya, dan seluruh dunia umumnya

## **KOMUNIKASI DAKWAH VERBAL DAN NON-VERBAL**

Berdasarkan latar belakang permasalahan ini, terdapat dua skop komunikasi yang perlu dipelihara dan ditunaikan oleh muslim iaitu komunikasi yang bersifat vertikal merujuk kepada komunikasi antara manusia dengan Allah S.W.T. (حبل من الله) dan komunikasi yang bersifat horizontal, merujuk kepada komunikasi antara manusia dengan manusia (حبل من الناس).

Komunikasi yang bersifat vertikal misalnya seperti solat, zikir dan doa. Ia merupakan satu hubungan yang kudus dan suci, setiap muslim wajib membina dan memelihara hubungan dengan Allah S.W.T. berlandaskan adab yang telah ditetapkan oleh Islam. Manakala, komunikasi yang bersifat horizontal termasuklah seperti komunikasi dengan keluarga, jiran, rakan, guru, diri sendiri, haiwan, dan makhluk lain. Ia dilakukan melalui perbualan bersemuka, perbincangan, dialog dan sebagainya.

Sementara itu, berdasarkan pembahagian bentuk komunikasi yang terdapat di dalam al-Quran, Salahudin Suyurno (2015) telah menggariskan enam bentuk komunikasi verbal, iaitu Qawlan Sadidan (Perkataan yang benar), Qawlan Balighan (Perkataan yang berkesan), Qawlan Maysuran (Perkataan yang menyejukkan hati) Qawlan layyinan (Perkataan yang lemah lembut), Qawlan Kariman (Perkataan yang mengandungi penghormatan) dan Qawlan Ma'rufan; Perkataan yang baik.

Sementara komunikasi non-verbal pula meliputi enam pembahagian iaitu Proksemik- Proksemik merujuk kepada jarak, ruang atau kawasan yang menggambarkan ‘kedekatan’ seseorang. Yang kedua Kinesik. Kinesik merupakan satu bidang ilmu yang mengkaji tentang pergerakan badan, keadaan tubuh dan ekspresi muka semasa berkomunikasi. kinesik boleh dikelompokkan kepada beberapa bentuk iaitu isyarat mata, gerakan badan dan tangan, mimik muka dan

sentuhan. Yang ketiga, Paralinguistic. Paralinguistik merujuk kepada elemen lisan yang terkeluar dari mulut tetapi tidak dalam bentuk perkataan. Ia juga dikenali sebagai kajian berkenaan suara manusia. Yang keempat, kronemik. Chronemics merujuk kepada bagaimana manusia mengatur dan menggunakan masa dalam berkomunikasi. Kelima adalah Artifaktual, iaitu penampilan diri seperti solekan, barang kemas serta fesyen pakaian, cara berpakaian dan pemilihan warna boleh menentukan personaliti serta memberi mesej tentang status dan keperibadian seseorang.

## KESIMPULAN

Ternyata suasana dan latar belakang negara Turki abad ke-19 yang dilalui oleh Badiuzzaman Said Nursi ketika itu membuatkan Said Nursi sarat dengan pengalaman berdakwahnya. Ujian dan cabaran yang bergitu dahsyat ditempuhi Said Nursi membuatkan beliau mahir tentang strategi dan teknik komunikasi yang berkesan Ketika menyampaikan pesan dakwah.

Beberapa contoh bentuk komunikasi dakwah verbal dan non-verbal Said Nursi yang disebutkan di atas adalah sebahagian kecil dari sumbangan beliau yang sangat menakjubkan pada penghujung abang ke-19. Walaupun beliau sering difitnah, ditangkap, dibuang daerah, dipenjara dan sebagainya, namun beliau tetap berusaha menggunakan kaedah komunikasi yang efektif dengan suasana serta keadaan semasa bagi berhadapan dengan musuhnya.

Tidak memilih nada komunikasi yang ‘keras’ atau ‘tegas’ bukan bermakna tewas dan penakut, tetapi ia adalah sebahagian dari kunci kejayaan dakwah pada hari ini berdasarkan sirah dan pedoman yang ditonjolkan oleh utusan Allah SWT yang mulia, iaitu baginda Rasulullah SAW.

Daripada latar belakang dakwah Said Nursi ini maka dapatlah disimpulkan bahawa penguasaan ilmu komunikasi melalui penghayatan nilai agama dan pengalaman turun ke lapangan masyarakat menyebabkan sesuatu usaha dakwah itu berjaya. Dalam kajian komunikasi dakwah Said Nursi ini, penyelidik melihat kepentingan medium komunikasi sebagai alat penyampaian mesej dakwah secara berakhlek oleh pengirim kepada penerima walau dari pelbagai latar belakang dengan tujuan kebaikan bersama..

## RUJUKAN

- Asmawati Suhid (2009), Pendidikan akhlak dan adab Islam: Konsep dan amalan. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Badiuzzaman Said Nursi (2009), Risalah Ramadhan dan Syukur. Terj. Mohd Zaini Yahya dan Anwar Fakhri Omar, Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Badiuzzaman Said Nursi (1998), Sirah Zatiyyah, terj. Ihsan Qasim al-Salihi, Istanbul: Sozler Nesriyat AS.
- Bergin, Francis J. (1982), Practical Communication, London: Pitman.
- Erik J. Zürcher (2001), Turkey: A Modern History, London: I.B. Tauris.
- Edi Amin. (2015). Konsep Komunitas dalam Pemikiran dan Dakwah Said Nursi. *Jurnal Komunikasi Islam*, Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Ampel Surabaya, 5(1).
- Edi Amin. (2018). Pemikiran Dakwah Bediuzzaman Said Nursi. *Jurnal Kajian Dakwah Dan Kemasyarakatan*, 22(2).
- Ibnor Azli Ibrahim (2010), Pengenalan Kepada Rasāil an-Nūr, (Wacana Ilmiah, Jabatan Syariah, FPI, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010).
- Ichwansyah Tampubolon. (2015). Dakwah Dan Modernisme Studi Terhadap Pemikiran Dan Aktivitas Dakwah Bediuzzaman Said Nursi (1877-1960). *HIKMAH: Jurnal Ilmu Dakwah*, 2(1), 1–22.
- Ichwansyah Tampubolon. (2018). Pemikiran Dan Aktivisme Dakwah Bediuzzaman Said Nursi (1877-1960). *Jurnal Pemberdayaan Masyarakat*, 5(1), 23.
- Mohamad Zaidin Mat (2003), Bediuzzaman Said Nursi, Sejarah Perjuangan dan Pemikiran, Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Muhammad Ali Danawi (1978), Kubra al-Harakat al-Islamiyyah fi al-‘Asr al-Hadith. Kaherah: Dar al-Jihat.
- Mohd. Yusuf Hussain (1990), Dua Puluh Lima Soal Jawab Mengenai Komunikasi Islam, Selangor: Pusat Pembangunan dan Pendidikan Lanjutan Universiti Pertanian Malaysia.
- Niyazi Berkes (1998), The Development of Secularism in Turkey, New York: Routledge.
- Rujuk juga A.A. Nadwi (1974), Conflict of Islam and Westernism in Muslim Countries, Karachi: Majlis Masyriyat Islam.
- Serif Mardin (1993), Religion and Secularism in Turkey, dalam Albert Hourani et. al. (eds.), The Modern Middle East, London: I.B. Tauris.
- S. Salahudin Suyurno (2011), Akhlak Komunikasi Islam dan Penghayatan Kehidupan Beragama: Kajian Kes Di Universiti Teknologi MARA Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Tesis PhD. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Syafiq A. Mughni (1997), Sejarah Kebudayaan Islam di Turki, Jakarta: Logos.
- Zulkiple Abd. Ghani (2001), Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.